



**NOTIS MAKLUMAN PELAKSANAAN
PROGRAM BIDAAN TERBUKA LSS PETRA 5+**

REQUEST FOR PROPOSAL BAGI PEMILIHAN PEMAJU BERKELAYAKAN

Sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan penjanaan tenaga boleh baharu serta menjamin bekalan tenaga secara berterusan di negara ini, Suruhanjaya Tenaga akan mengadakan proses bidaan terbuka untuk memilih syarikat/konsortium bagi pembangunan loji jana kuasa solar fotovoltaiك berskala besar (*Large Scale Solar* - LSS) di Semenanjung Malaysia.

Program bidaan terbuka LSS PETRA 5+ ini menyasarkan kapasiti berjumlah 2,000MW_{ac} yang melibatkan kapasiti daripada 10MW_{ac} hingga 500MW_{ac} dengan pecahan pakej seperti berikut:

- **Pakej A** untuk loji jana kuasa solar atas tanah dengan jumlah kuota yang ditawarkan sebanyak 1,500MW_{ac}. Bagi pakej ini, julat kapasiti yang dibuka ialah di antara 30MW_{ac} hingga 500MW_{ac}.
- **Pakej B** untuk loji jana kuasa solar terapung/atas air dengan jumlah kuota yang dibenarkan sebanyak 500MW_{ac}. Bagi pakej ini, julat kapasiti yang dibuka ialah di antara 10MW_{ac} hingga 500MW_{ac}.

Loji-loji LSS ini dijadualkan mula beroperasi pada tahun 2027.

Program bidaan ini terbuka kepada pembida daripada syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan syarat pemilikan sekurang-kurangnya 51% pegangan ekuiti tempatan atau konsortium yang terdiri daripada sekurang-kurangnya satu syarikat tempatan yang diperbadankan di Malaysia dan syarikat asing/tempatan lain dengan pegangan ekuiti tempatan dalam konsortium sekurang-kurangnya 51%.

Sehubungan itu, Suruhanjaya ingin mempelawa syarikat atau konsortium yang berminat dan mempunyai pengalaman yang luas dalam melaksanakan projek-projek yang berkaitan dengan penjanaan tenaga, termasuk pembiayaan projek dan pengoperasian loji jana kuasa, untuk mengambil bahagian dalam program bidaan ini mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan dalam dokumen *Request For Proposal* (RFP).

Dokumen RFP akan mula dijual dari **20 Januari 2025 jam 9.00 pagi hingga 24 Januari 2025 jam 5.00 petang** secara dalam talian melalui laman sesawang ST iaitu www.st.gov.my dengan harga RM3,000.00 bagi setiap dokumen RFP. Penyerahan dokumen RFP secara fizikal yang lengkap hendaklah dihantar dan diterima oleh ST **selewat-lewatnya pada 28 Februari 2025 jam 3.00 petang** dan sebarang perubahan kepada kaedah penyerahan dokumen tersebut akan dimaklumkan melalui laman sesawang ST.

Suruhanjaya Tenaga (*Energy Commission*),
12, Jalan Tun Hussein,
Presint 2,
62100 Putrajaya, Malaysia.

www.st.gov.my
lss5plus@st.gov.my